



“Wefie Kopi Wonda”

TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT

A. TERMA-TERMA ASAS

1.	Penganjur	Astro Radio Sdn Bhd (403472-D)
2.	Stesen Radio	ERA & Zayan
3.	Nama Peraduan	Wefie Kopi Wonda
4.	Huraian Ringkas Peraduan/ Rancangan	Peraduan instagram untuk memenangi wang tunai RM10,000.
5.	Mekanisma ringkas Peraduan	Langkah 1: Peserta perlu mengambil gambar swafoto secara berkumpulan (wefie) bersama minuman tin kopi Wonda. Langkah 2: Peserta perlu memuat naik gambar dengan menggunakan #wefieKopiWonda di instagram mereka. Langkah 3: Gambar yang paling kreatif dan menarik akan berpeluang memenangi wang tunai RM10,000.
6.	Kriteria Kelayakan	Peraduan ini dibuka kepada semua warganegara Malaysia yang berumur 18 tahun ke atas pada 28 Ogos 2018
7.	Ketidaklayakan	Golongan berikut tidak layak untuk menyertai Peraduan ini: - a) Pekerja-pekerja/Kontraktor-Kontraktor Penganjur, MEASAT Broadcast Network Systems Sdn Bhd, Astro Malaysia Holdings Berhad, anak syarikat dan syarikat bersekutunya, penaja-penaja, ejen-ejen, peniaga, pedagang atau mana-mana syarikat yang berkaitan dengan Peraduan ini dan suami, isteri, anak-anak, ibu-bapa dan adik-beradik pihak-pihak tersebut; b) telah memenangi hadiah (atau hadiah-hadiah) yang bernilai RM1000.00 atau kurang daripada pihak Stesen Radio dalam tempoh (30) hari sebelum Peraduan ini; c) telah memenangi hadiah (atau hadiah-hadiah) yang bernilai RM1001.00 - RM5000.00 daripada pihak Stesen Radio dalam tempoh (90) hari sebelum Peraduan ini; d) telah memenangi hadiah (atau hadiah-hadiah) yang bernilai RM5001.00 atau lebih daripada pihak Stesen Radio dalam tempoh (365) hari sebelum Peraduan ini.
8.	Umur Kelayakan	Peraduan ini adalah terbuka kepada semua warganegara Malaysia yang berumur 18 tahun ke atas pada 28 Ogos 2018
9.	Caj	Tidak berkenaan.
10.	Tempoh Peraduan	28 Ogos 2018 hingga 2 September 2018
11.	Bahasa Peraduan	Bahasa Malaysia
12.	Prosedur Penyertaan	Peserta perlu mengambil gambar swafoto secara berkumpulan (wefie) bersama minuman tin kopi Wonda dan memuat naik gambar dengan menggunakan #wefieKopiWonda di instagram untuk berpeluang memenangi wang tunai bernilai RM10,000.
13.	Tarikh Tutup Penyertaan	2 September 2018 (11.59pm)
14.	Cara Penghantaran	Melalui laman sosial media, Instagram berserta hashtag #wefieKopiWonda

15.	Alamat	Astro Radio Sdn Bhd, All Asia Broadcast Centre, Technology Park Malaysia, Bukit Jalil, 57000 Kuala Lumpur
16.	Pemilihan Pemenang	Gambar yang paling kreatif dan menarik akan berpeluang memenangi wang tunai RM10,000.
17.	Hadiah	Wang tunai RM 10,000
18.	Pemberitahuan Pemenang Peraduan	Nama pemenang akan diumumkan melaluipanggilan telefon daripada pihak Penganjur
19.	Tempoh Pengambilan Hadiah	Akan diberitahu oleh pihak Penganjur
20.	Tempat Pengambilan Hadiah	Akan diberitahu oleh pihak Penganjur
21.	Terma-terma tambahan, jika ada	<p>Peraduan ini tidak sama sekali ditaja, disokong, ditadbir oleh, atau dikaitkan dengan Instagram. Peserta memahami bahawa anda memberikan maklumat anda kepada pihak Penganjur dan bukan Instagram.</p> <p>Penyertaan dan foto yang dimuatnaik adalah tertakluk kepada undang-undang dan peraturan tempatan dan akan ditapis oleh proses penapisan dalaman. Mana-mana penyertaan yang tidak mematuhi peraturan akan dibatalkan.</p> <p>Semua peserta bersetuju untuk menyerahkan dan memindahkan kepada Penganjur dan syarikat-syarikat berkaitan hak mutlak yang tidak terhad untuk menggunakan dan mengeksploitasi mana-mana dan semua foto/video yang Peserta muatnaik untuk Peraduan ini di seluruh dunia untuk tempoh penuh hak cipta termasuk semua pembaharuan bersama-sama dengan hak untuk memberi kuasa kepada orang lain untuk berbuat demikian tanpa perlu membayar apa-apa saraan atau royalti kepada Peserta.</p> <p>Sekiranya transaksi pemindahan telegraf ke akaun bank Pemenang gagal disebabkan oleh informasi yang dibekalkan oleh Pemenang adalah tidak lengkap dan/atau salah, Penganjur merizabkan haknya untuk menolak RM10.00 daripada nilai Hadiah untuk setiap penghantaran-semula transaksi tersebut.</p> <p>Sekiranya Pemenang memerlukan pengeluaran semula cek untuk Hadiah, RM50.00 akan ditolak daripada nilai Hadiah, melainkan pengeluaran semula itu adalah disebabkan oleh kecuaiian, kesilapan dan / atau kesalahan pihak Penganjur.</p> <p>Panel hakim akan ditentukan berdasarkan budi bicara mutlak pihak Penganjur. Keputusan pihak Penganjur dan hakim adalah muktamad dan Penganjur tidak akan melayan sebarang rayuan oleh Peserta terhadap keputusan tersebut.</p> <p>Hadiah yang dimenangi tidak boleh dipindah milik kepada pihak lain.</p>

Terma-terma Asas dan **Terma-terma dan Syarat-syarat Lazim Peraduan** akan mengikat peserta-peserta yang mengambil bahagian dalam Peraduan ini ("**Peserta**"). Definisi-definisi dalam Terma-terma dan Syarat-syarat Lazim Peraduan akan digunakan kecuali dinyatakan sebaliknya dalam Terma-terma Asas. Jika terdapat sebarang ketidakselarasan antara Terma-terma Asas dan Terma-terma dan Syarat-syarat Lazim Peraduan, Terma-terma Asas akan mengatasi setakat ketidakselarasan tersebut.

Kemasukan dan penyertaan di dalam Peraduan ini akan dianggap sebagai penerimaan Terma-terma Asas dan Terma-terma dan Syarat-syarat Lazim Peraduan secara tanpa syarat oleh para Peserta.